

10/10/2000

Perjumpaan pelajar luar negara perlu lebih kerap

LUMUT, Isnin - Pertemuan secara lebih kerap dengan pelajar tempatan di luar negara akan digunakan sebagai `senjata' melawan kembali fitnah yang disebarkan oleh pihak tertentu dalam usaha mencemarkan imej Perdana Menteri dan kerajaan.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata pertemuan itu akan berlangsung dengan lebih lama supaya pelajar terbabit benar-benar faham dengan penerangan yang diberikan dan tidak lagi terpengaruh dengan fitnah yang disebarkan pihak tertentu.

Menurutnya, tindakan seperti mengadakan demonstrasi semasa lawatan pemimpin negara ke luar negara dilihat sebagai mahu mencemarkan imej Perdana Menteri dan negara.

"Mereka sanggup bawa politik ke peringkat antarabangsa sehingga tindakan ini mencemar imej Perdana Menteri dan negara.

"Jika mereka fikir maruah negara, mereka tidak seharusnya tarik orang lain untuk mencampuri urusan dalam negara. Kalau ada perbezaan politik, serah pada rakyat untuk menentukannya," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Beliau mengulas mengenai tindakan sekumpulan anak muda Malaysia yang mengadakan demonstrasi semasa lawatan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke England, baru-baru ini.

Najib berkata, pelajar tempatan di luar negara harus menunjukkan sikap positif terhadap negara dan tidak menyampaikan berita yang negatif mengenai negara ini.

"Fakta yang tidak betul boleh diselewengkan untuk tujuan politik dan ini akan menimbulkan sikap tidak senang pihak tertentu di luar negara terhadap negara kita," katanya.

Menurut beliau, lawatan pemimpin ke luar negara juga akan dimanfaatkan sebaik mungkin untuk bertemu pelajar di sana bagi memulih kembali pendirian mereka terhadap kerajaan.

(END)